

## **PERLEMBAGAAN BAGI**

### **PERTUBUHAN INDUK**

#### **KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**

##### **FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Negeri**

##### **FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG, JALAN MASJID,  
25000 KUANTAN  
PAHANG**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG, JALAN MASJID,  
25000 KUANTAN  
PAHANG**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

##### **FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

(a) Untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dan keluarga tanpa mengira pangkat dan keturunan serta mewujudkan semangat bekerjasama di antara satu sama lain khususnya dalam soal-soal kebajikan kecuali dalam hal-hal yang menyalahi Undang-undang Negara.

(b) Untuk menganjurkan aktiviti / program-program yang berbentuk keagamaan / kesukanan / rekreasi / akademik yang boleh mendatangkan manfaat kepada ahli-ahli termasuk menjalankan aktiviti yang boleh mendatangkan sumber kewangan.

(c) Untuk menggalakkan ahli-ahli bersukan bagi meningkatkan tahap kesihatan, disiplin serta berusaha menjadi ahli-ahli sebagai kakitangan yang bertanggungjawab.

(d) Untuk menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang bertujuan menambah kewangan tabung dalam usaha membiayai aktiviti pertubuhan bagi kebaikan ahli-ahli.

(e) Untuk menjadi badan perhubungan antara pertubuhan ini dengan mana-mana pertubuhan lain yang diiktiraf serta difikirkan sesuai.

#### **FASAL 4 KEAHLIAN**

(1) Keahlian Pertubuhan hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan terbahagi kepada 2 kategori ;

a. Ahli Biasa

Terdiri daripada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang termasuk Polis Mahkamah. Ahli Biasa mempunyai hak mengundi dan memegang jawatan dalam Pertubuhan.

b. Ahli Kehormat

Ahli Kehormat akan dipilih oleh Ahli Jawatankuasa Pertubuhan daripada bekas ahli dan orang-orang yang telah membuat jasa kepada Jabatan Kehakiman Syariah Pahang. Ahli Kehormat dikecualikan daripada membayar yuran dan tidak mempunyai hak mengundi atau memegang jawatan dalam pertubuhan ini.

(2) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dihantar kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah seterusnya mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan.

(3) Tiap-tiap permohonan yang telah diluluskan seperti yang tersebut di atas hendaklah, setelah membayar pendaftaran dan yuran bulan pertama seperti yang ditentukan di fasal 6, diterima menjadi ahli pertubuhan dan berhak menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan.

#### **FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

(1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan, hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.

(2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli tersebut hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau pergantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau pergantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

## FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

(1) Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut;

a. Bayaran masuk

Bayaran pendaftaran ditetapkan sebanyak RM 10.00 (sepuluh ringgit) seorang sekali sahaja.

b. Yuran Bulanan

Yuran ahli bagi Ahli Biasa adalah sebanyak RM 10.00 seorang sebulan.

(2) Yuran Bulanan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 14 hari dari awal tiap-tiap bulan. Bayaran melalui potongan gaji boleh dibuat dengan persetujuan ahli.

(3) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

(4) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi enam bulan boleh mengikut budi bicara jawatankuasa untuk dipecat atau digantung keahliannya dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

(5) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut atau digantung disebabkan hutang.

(6) Yuran Khas daripada ahli-ahli untuk perkara tertentu yang boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan. Kecuali kutipan wang bagi satu-satu perkara yang disifatkan tergepar dengan kelulusan Ahli Jawatankuasa

Pertubuhan.

## FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

(1) PENGELOLAAN Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana-mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupkan korum untuk mesyuarat.

(2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak melebihi daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:

- a. Menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;
- b. Menerima Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
- c. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan Juruaudit (jika berkenaan)
- d. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

(4) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 4 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh semua ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.

(5) Mesyuarat Agung Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:

- a. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
- b. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.

(6) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

(7) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.

(8) Fasal 7(1) dan (2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.

(9) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

## **FASAL 8 JAWATANKUASA**

(1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:

Seorang Pengerusi  
Seorang Timbalan Pengerusi  
Seorang Setiausaha  
Seorang Bendahari  
7 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

(2) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

(3) Pemilihan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli di dalam Mesyuarat Agung. Pemilihan Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa Kecil boleh dilantik oleh Pengerusi atas sokongan semua ahli jawatankuasa yang telah dipilih di dalam mesyuarat Agung. Semua Ahli Jawatankuasa boleh dilantik semula setiap dua (2) tahun.

(4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

(6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli Jawatankuasa secara mengedar surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:

- a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa.
- b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan Jawatankuasa mesti menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap sesuatu cadangan itu; dan
- c. Keputusan hendaklah dengan undian terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

(7) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undian terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

(8) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebagai pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

(9) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberi kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

(10) Seorang ahli Jawatankuasa boleh dipecat dari Jawatankuasa sekiranya ia didapati melakukan kesalahan yang bertentangan dengan semangat dan Perlembagaan Pertubuhan atau berkelakuan yang boleh menjejaskan nama baik Pertubuhan.

(11) Kecuali Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan pemecatan, Jawatankuasa berkuasa memecat mana-mana ahli Jawatankuasa mengikut Fasal 5 (2) dengan undian yang terbanyak.

(1) Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila telah diluluskan.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.

(3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen pertubuhan kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1966.

(4) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

(5) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan, termasuk mengetuai Jawatankuasa Kecil (Biro) yang ditubuhkan.

## FASAL 10 **KEWANGAN**

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan termasuk belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah Juruaudit. Walaubagaimanapun, wang itu, tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

(2) Tiap-tiap cek atau kenyataan pengeluaran Wang Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi dan Bendahari. Semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh menandatangani bersama Bendahari. semasa ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti.

(3) Bendahari dibolehkan menyimpan Wang Tunai dalam tangannya tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja (RM 2,000.00) pada suatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama

Pertubuhan.

(4) Segala perbelanjaan wang Pertubuhan bagi sesuatu tujuan adalah tertakluk seperti berikut:

a) Perbelanjaan yang kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja [RM5,000.00] bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi bersama setiausaha dan bendahari.

b) Perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja [RM5,000.00] bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh jawatankuasa

c) Perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Sahaja [RM15,000.00] bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat Agung terlebih dahulu.

(5) Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.

(6) Pertubuhan juga dibolehkan memiliki tanah atau harta dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti perniagaan serta aktiviti yang tidak menyalahi Undang-undang.

(7) Tahun Kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

## **FASAL 11 JURUAUDIT**

(1) Dua orang yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik sebagai Juruaudit bersamaan dengan perantikan Jawatankuasa Pertubuhan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.

(2) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit penyata kewangan Pertubuhan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## **FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH**

(1) Tiga (3) orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang



dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).

(2) Pengamanah tidak boleh menjual, manarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung.

(3) Seorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakkan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

### **FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

(1) Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberi tafsiran kepada Perlembagaan Pertubuhan dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan Pertubuhan.

(2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

### **FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG**

(1) Pemegang Jawatan Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dengan sendirinya menjadi Penaung merangkap selaku Penasihat kepada Pertubuhan.

### **FASAL 15 LARANGAN**

(1) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.

(2) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau Pegawai-pegawainya atau Jawatankuasanya atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

(3) “Faedah” seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberi oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.

(4) Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan; Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, Banker’s Game, Video Game, dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.

(5) Mana-mana orang tidak boleh memegang, menjadi penasihat atau pekerja Pertubuhan ini jika ia telah hilang kelayakan berbuat demikian menurut Seksyen 9A Akta Pertubuhan 1966.

## **FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

(1) Undang-undang ini tidak boleh di ubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk membuat perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 17 PEMBUBARAN**

(1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.

(2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung berkenaan.

(3) Kenyataan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan Pembubaran itu.

## **FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera
  - 
  - Keterangan
  -
2. Lambang



## Keterangan

### (1) Reka Bentuk Logo

Logo Pertubuhan ini berbentuk heksagon yang berlatar belakang warna ungu dan dilingkari dengan lingkaran heksagon yang berwarna biru. Ditengah-tengah heksagon ini terdapat lambang orang dan tertera moto Pertubuhan iaitu Aktif, Progresif dan Positif. Terdapat gulungan kertas di bawah lambang orang yang tertera perkataan KRISPA.

### (2) Makna Logo

- a. Logo ini berbentuk heksagon di mana ia melambangkan kesetaraan diantara semua ahli.
- b. Logo ini direka berdasarkan kepada makna gaya hidup sosial berkumpul dengan sedikit penerapan gaya korporat disamping bergerak maju ke alaf 2020.
- c. Perkataan KRISPA pada sebelah bawah pada gulungan kertas adalah menerangkan maksud penyokongan Pertubuhan ke atas ahli-ahlinya yang berdaftar di bawahnya dan juga keterangan mengenai nama Pertubuhan di bawah logo tersebut.
- d. Lambang orang/manusia menerangkan mengenai ahli-ahli yang berdaftar atau yang ada di dalam Pertubuhan ini.
- e. Motto Aktif, Progresif dan Positif melambangkan hala tuju serta azam aktiviti-aktiviti yang dirangka bagi ahli-ahlinya.
- f. Warna ungu melambangkan warna korporat bagi Pertubuhan KRISPA ini. Hitam melambangkan kepada ketegasan dan putih melambangkan kesucian.

### 3. Lencana

-

#### Keterangan

-